

BAB VI

KESIMPULAN

Pantun merupakan hasil kesusasteraan asli Melayu, yang kewujudannya memainkan peranan yang penting dalam kehidupan orang Melayu masa silam. Kerana fungsi utama pantun sebagai alat berkomunikasi tidak langsung antara anggota masyarakat, maka bahasa yang digunakan banyak menggunakan lambang dan perlambangan. Lambang-lambang tersebut bukan sahaja diambil daripada alam sekitar yang sudah lazim digunakan dalam kehidupan masyarakat (flora dan fauna), tetapi juga sebahagiannya daripada mitos atau legenda, peribahasa atau tegangan kias dan benda budaya (artifak budaya). Lambang-lambang yang diambil daripada alam sekitar misalnya, mereka gunakan selain untuk menerangkan diri mereka juga bercermin diri. Dengan demikian, bagi orang Melayu, alam tabii dapat menjadi sarana penting dalam pembentukan nilai dan norma, yang kemudian lazim disebut nilai dan norma adat.

Banyaknya lambang yang digunakan dalam pantun secara tak langsung menunjukkan bagaimana kadar emosi orang Melayu. Disadari bahawa emosi merupakan satu faktor yang amat menentukan dalam hubungan sosial budaya orang Melayu. Oleh itu, mereka cenderung menghindari penggunaan kata-kata yang berterusterang atau langsung dalam hubungan sosial dan dalam mengukuhkan sesuatu yang ingin disampaikan. Sebaliknya, mereka lebih suka menggunakan perlambangan, kiasan dan berbagai - bagai ibarat dalam menyampaikan gagasan - gagasan kepada orang lain. Jadi, ada semacam kecenderungan yang kuat daripada orang Melayu dalam berkomunikasi untuk tampil dalam gaya bahasa yang sehalus

mungkin. Dengan kecenderungan ini menjadikan bahasa yang mereka sampaikan sama dengan kehalusan itu sendiri. Jadi, dalam berkomunikasi mereka menghindari penggunaan bahasa yang dapat menimbulkan kesan buruk, misalnya dicap *tidak tahu bahasa*.

Penggunaan lambang-lambang sebegini erat hubungannya dengan pandangan orang Melayu terhadap diri mereka sendiri. Mereka memandang bahawa diri mereka adalah sebahagian daripada alam, bukan berada di luar alam. Oleh itu, saling mengalahkan atau menaklukkan antara alam tabii dan alam manusia tidak dikenal dalam budaya Melayu. Sebaliknya, mereka berusaha menjaga dan menyesuaikan diri sehingga menjadi satu kesatuan dengan alam. Hubungan mereka dengan alam terkait rapat dengan tanggungjawab mereka sebagai hamba Allāh dan khalifah-Nya di muka bumi. Dalam konteks ini kedudukan manusia semata-mata sebagai pengguna atau pentadbir sumber alam yang bijaksana (tidak merosak, tidak melampaui batas dan selalu menyatakan kesyukuran). Hal yang sama juga mereka lakukan dalam menjaga keharmonian diri mereka dengan anggota masyarakat lainnya. Pandangan sebegini membuat orientasi hidup mereka lebih bersifat mendatar (*horizontal*) daripada menegak (*vertical*). Ertinya, *kedamaian, ketenteraman dan kebahagiaan hidup yang mereka dambakan lebih banyak berhubungan dengan mutu atau kualiti penyesuaian dan keharmonian mereka dengan alam sekitar (fizikal dan sosial masyarakat). Ini terwujud antaranya dalam bentuk kesukaan mereka hidup berkelompok dan bergotongroyong, kebiasaan untuk selalu mendekati di antara ahlinya, lebih-lebih yang sedang mengalami kesusahan dan berbagai - bagai upacara yang berkenaan dengan alam, seperti membela kampung (merawat dan membersihkan desa), dan kenduri. Dalam suasana kehidupan sebegini tertanamlah dalam jiwa setiap anggota*

masyarakat timbang rasa, seperti yang tercermin dalam perbilangan “rasa di orang, rasa di diri”; “ringan sama dijinjing, berat sama dipikul”; dan “dapat sama laba, hilang sama rugi.”

Orientasi hidup seperti tersebut di atas akan berpengaruh juga pada masalah dimensi waktu. Dalam tradisi orang Melayu, dimensi waktu yang besar pengaruhnya ialah kini dan silam. Ini tergambar dalam nilai dan erti kehidupan mereka dewasa ini yang sering dibandingkan dengan masa silam, sehingga mereka agaknya kurang memperhitungkan masa hadapan dengan berbagai-bagai cabarannya. Ungkapan “ada hari, ada nasi”, dan “selagi laut masih bergelombang, bererti ikan ada di dalamnya” merupakan salah satu bukti dari dimensi waktu kini yang mereka anuti. Pandangan ini, sudah tentu, berlawanan dengan konsep budi itu sendiri yang sangat digalakkan dalam kehidupan sosial, tetapi mereka fahami dan terapkan secara keliru. Dan kekeliruan ini lebih diperburuk oleh pandangan daripada sebahagian orang Melayu bahawa dunia adalah syurga bagi orang kafir, dan akhirat adalah syurga bagi orang Islam. Pandangan - pandangan sebegini sangat tidak menguntungkan dan bahkan dapat melemahkan semangat dan motivasi kerja, sehingga mereka kurang mampu bersaing dan kurang siap menghadapi pelbagai cabaran pada masa hadapan. Kehidupan mereka lebih banyak bergantung kepada kemurahan daripada keluasan dan kesuburan tanah yang mereka miliki. Walaupun harus diakui bahawa seluruh kawasan bandar dan kawasan-kawasan lain yang dihuni oleh orang Melayu pada umumnya bermula daripada penerokaan mereka, namun kerana mereka kalah bersaing, kurang memiliki semangat bekerja yang tinggi dan kurang memiliki pandangan jauh ke hadapan, lambat-laun sebahagian kawasan tersebut berpindah tangan ke etnik lain. Akibatnya, mereka pindah ke tempat - tempat lain dan

membentuk komuniti atau masyarakat sendiri, sebagai komuniti atau masyarakat setinggan. Kampung Melayu di Kotamadia Pontianak misalnya, yang strategik letaknya, merupakan saksi sejarah bahawa kampung tersebut bermula daripada penerokaan, milik dan hunian orang-orang Melayu, sebagai penduduk asli. Sebutan Kampung Melayu oleh orang Melayu menunjukkan adanya kesesuaian antara nama dan isinya. Namun sebutan tersebut sekarang tinggal nama yang tidak lagi menggambarkan isinya (penghuninya), kerana telah dimiliki dan dihuni oleh sebahagian terbesar etnik lain (Cina). Saksi sejarah yang masih dapat dikesan tidak lebih daripada peninggalan masjid dan beberapa rumah sebagai tempat penjaga masjid dan kuburan sahaja.

Tradisi berkomunikasi secara tidak langsung atau berterus-terang antara anggota masyarakat Melayu dalam pelbagai kehidupan menjadikan pantun semacam gaya bahasa, sehingga tak menghairankan jika ia menjadi bahagian yang penting dalam pertuturan sehari-hari. Boleh dikata hampir tidak ada retorik Melayu yang wujud tanpa pantun. Ini tercermin pada permulaan dan akhir kalam disampaikan dengan pantun, lebih-lebih pada majlis merisik atau pertunangan dan perkahwinan. Namun komunikasi serupa itu di Pontianak sejak tahun 60-an sudah sangat berkurang pendukungnya, terutamanya dalam tradisi berbalas pantun pada majlis merisik atau pertunangan dan perkahwinan. Kalaupun ada yang melakukannya, mungkin dengan perasaan tidak mahu meninggalkan adat atau membelakangi tradisi sahaja. Di sini terdapat pendekatan yang berbeza dalam hal pelaksanaan berbalas pantun pada masa silam dan sekarang, baik dari segi pemantunnya, cara penyampaiannya, mahupun kemeriahannya. Demikian pula dalam pendekatan lainnya, seperti pada pertandingan berpantun yang dilakukan pada hari-hari tertentu,

nyanyian, radio, televisyen dan sebagainya.

Selain daripada adat, masyarakat Melayu Pontianak juga mendasarkan nilai asas penting mereka kepada Islam. Kedua-dua nilai asas itu dalam pelaksanaan dan perlakuannya mempunyai asas yang tetap dalam perubahan. Walaupun masing-masing berasal daripada sumber yang berbeza, namun dapat saling mengisi, melengkapi dan mengukuhkan, tidak terpisahkan. Ini dimungkinkan kerana masing-masing mempunyai matlamat yang sama, seiring dengan: pada adat – menghilangkan yang buruk dan menimbulkan yang baik; pada shara' – menyuruh yang ma'ruf dan menegah yang mungkar.

Terbentuknya satu kesatuan nilai teras di alam Melayu amnya dan di Kotamadia Pontianak khasnya, baik melalui akulturasi mahupun difusi, lebih banyak ditentukan oleh kemahuan dan kemampuan para ulama dan penguasa adat, dan kesediaan orang Melayu untuk menerima dan mengamalkannya. Tambahan lagi, kewujudan kerajaan-kerajaan Islam di alam Melayu pada masa silam sangat besar peranannya dalam menjaga dan mengawal kesatuan nilai teras tersebut. Kemudian daripada pertautan dan persenyawaan nilai-nilai teras ini lahirlah budaya Melayu, yang di dalamnya watak, keperibadian dan jati diri Melayu ditempa, dibina dan diorientasikan kepada **budi**, dalam erti **yang baik**, yang bermatlamat menghasilkan manusia yang budiman. Dengan demikian, **budi** merupakan konsep “ukuran penilaian” yang digunakan oleh masyarakat Melayu Pontianak tradisional, sedangkan **manusia yang budiman** merupakan “hasil penilaian yang diidamkan dan dicitakan.”

Sesuai dengan konsep manusia yang dianut masyarakat Melayu adalah kesatuan antara “jasmani - rohani” (*psikofizikal* atau *monodualis*), maka mereka pun mengorientasikan nilai budi dan budiman kepadanya. Konsep ini, selain sesuai dengan fitrah kejadian manusia, juga sesuai dengan konsep budi itu sendiri yang tersusun secara bersiratan ke dalam rumpun atau gugusan, iaitu **akal-budi, hati-budi, budi-bicara, budi-bahasa dan budi-pekerti**. Namun begitu, orang Melayu juga disedarkan, terutamanya setelah menganut Islam dan mengamalkannya, bahawa mereka pun makhluk Tuhan dan sebagai khalifah-Nya di muka bumi, sehingga konsep nilai budi dan budiman yang semula berpaksikan manusia sekarang berpaksikan juga ketuhanan (*tauhid*), yang kemudian melahirkan asas keseimbangan antara kehidupan lahiriah dan jasmaniah, dunia dan akhirat. Dengan demikian, **manusia yang budiman** adalah manusia yang memiliki kemampuan fizikal, mental, emosional, spiritual dan sosial. Inilah manusia yang dianggap ideal, yang dimahui dan yang sentiasa menjadi teladan dan sebutan di kalangan masyarakat. Ringkasnya, **manusia yang budiman** dalam konteks Melayu adalah manusia yang sempurna, kerana dia memiliki dua kekuatan, iaitu kekuatan lahirian dan batiniah. Kemudian dia mampu mengembangkan dan menggunakannya secara wajar. Kedua-dua kekuatan tersebut dapat dikesan melalui berbagai - bagai perlakuan dan pelaksanaannya dalam hubungan dan interaksi sosial dan spiritual, iaitu dalam: hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan alam, dan hubungan manusia dengan Tuhan. Kemudian manifestasi budi daripada ketiga-tiga hubungan tersebut akan melahirkan berbagai-bagai pelaksanaan dan perlakuannya. Manifestasi budi dalam hubungan manusia dengan manusia melahirkan, misalnya berbudi kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, bangsa dan budaya; hubungan manusia dengan alam, misalnya berbudi kepada tanah air dan negara; dan hubungan manusia dengan

Tuhan melahirkan berbudi kepada Tuhan. Walaupun ketiga-tiga hubungan beserta seluruh manifestasi budi tersebut secara teoritikal dapat dipisah-pisahkan, namun dalam pandangan hidup orang Melayu ia tetap merupakan satu konsep yang bersepadu, tak terpisahkan.

Tinjauan manusia yang budiman sepertimana dihuraikan di atas adalah daripada segi psikofizikal. Tetapi jika **manusia yang budiman** ditinjau daripada segi konteks manusia Melayu disebut *orāng*, sebagai suatu konsep budaya, adalah orang yang beriman, berakhlak mulia, berilmu (berpendidikan) dan berwawasan luas, memiliki kekayaan dan kedudukan serta berketurunan (berkeluarga).

Kemudian dalam konteks Melayu yang lebih luas, peribadi-peribadi yang memiliki watak budiman sebagai jati diri mereka, diharapkan dapat melahirkan komuniti, masyarakat dan bahkan bangsa yang memiliki watak budiman juga. Dengan demikian, kedudukan budi, sebagai “ukuran penilaian,” menjadi sangat penting, kerana ia dapat menjadi tapak kehidupan sesuatu bangsa atau sarana pembangunan watak dan bangsa (*nation- and character-building*).

Walau bagaimanapun, dalam konteks sosio-budaya Melayu yang lebih khusus, seperti dalam persoalan kepemimpinan, seorang pemimpin yang budiman, baik formal mahupun bukanformal, masih perlu melengkapi dirinya dengan *tuah* (*charisma*), dalam erti memiliki kepercayaan diri yang teguh dan kukuh, sehingga dapat menaikkan dirinya sebagai pemimpin. Oleh itu, pemimpin yang kharismatik masih tetap menjadi dambaan di kalangan masyarakat Melayu tradisional, bahkan mungkin sampai sekarang.

Dalam usaha mengorientasikan nilai budi dan pencapaian matlamatnya, masyarakat Melayu telah melakukan berbagai-bagai cara, sesuai dengan ruang dan masa serta kesanggupan mereka. Sehubungan itu, proses sosialisasi dan enkulturisasi telah memainkan peranan yang penting dalam usaha melahirkan manusia Melayu yang tahu menjaga tata tertib, sopan-satun dan budi pekertinya, sehingga dikatakan sebagai manusia yang **tahu adat** atau **beradat**. Sifat tersebut terutama lahir daripada kehalusan, keluhuran budi, kedalaman batin dan kegiatan rohani yang ditempa oleh budaya Melayu yang berpaksikan adat dan Islam. Ringkasnya, sifat-sifat tersebut merupakan manifestasi daripada nilai-nilai Islam di alam Melayu, yang mungkin berbeza dengan alam yang bukan Melayu.

Selanjutnya, dalam mensosialisasikan nilai yang diorientasikan kepada budi, orang Melayu menggunakan berbagai-bagai wadah dan wahana, antaranya 'pantun' khasnya "pantun budi." Walaupun penyampaiannya hanya dilakukan secara lisan, namun pantun dianggap sebagai wadah dan wahana yang efektif, sesuai dengan zamannya, dalam menyimpan, mengekalkan dan menyampaikan nilai-nilai asas kepada orang Melayu. Ini dimungkinkan kerana pantun itu sendiri merupakan satu genre puisi Melayu tradisional yang paling akrab dengan dan diminati dalam kehidupan orang Melayu masa silam tanpa memandang tingkat sosial, batas usia dan pendidikan. Demikian dekatnya hubungan pantun dengan manusia Melayu, sehingga secara keseluruhan dapat dikatakan bahawa pantun adalah Melayu dari segi manusia dan dunianya.

Orang Melayu dikenal sebagai penganut dan penyebar Islam yang kukuh dan gigih, bukan sahaja kepada sesama Melayu tetapi juga kepada bukan-Melayu.

Terbukti mereka dapat melahirkan suatu citra di Kalimantan Barat, bahawa sesiapa yang masuk Islam bererti "masuk atau turun Melayu." Tambahan lagi penghayatan mereka, terutamanya para ulama, atas agama Islam, dan dorongan mereka untuk berdakwah telah menjadi kekuatan spiritual bagi penciptaan pantun agama. Penyebutan "pantun agama," kerana pantun tersebut mengandungi nilai-nilai luhur agama. Biasanya pantun ini digunakan dalam pelbagai keperluan dan kegiatan, iaitu dalam berdakwah dan membincang adat-istiadat oleh pemimpin agama dan penguasa adat. Kepelbagaian keperluan dan kegiatan ini memperlihatkan adanya unsur yang saling mengukuh dan menguatkan, walaupun harus diakui bahawa kadar isi dan kandungan nilai-nilai agama yang diungkap tidak sama. Oleh itu, pembuatan pantun agama, terutamanya yang kental kandungan nilai-nilai agamanya, telah menjadi semacam cara bagi ulama Melayu masa silam untuk menyampaikan amanat, nasihat dan perutusan yang bersifat didaktik, membina dan membimbing masyarakat khalayak ke jalan yang benar dan yang diredai Allāh. Tema-temanya boleh beragam, hanya lebih ringan dibandingkan tema-tema keagamaan yang diungkap dalam syair, misalnya, iaitu disekitar iman, ibadah, persoalan hidup semasa, menuntut ilmu dan pentingnya beramal salih sebagai bekal di alam akhirat. Semuanya digubah dengan maksud untuk memperkukuh dan memperkuat serta menarik perhatian semasa berdakwah dan tunjuk ajar. Suasana penyampaiannya pun, sudah tentu, berbeza dengan suasana penyampaian tema-tema pantun lainnya, seperti pantun-pantun: percintaan, anak-anak dan teka-teki.

Adapun nilai-nilai yang diungkap dalam tajuk ini terhad pada iman, ibadah dan akhlak. Ketiga-tiganya merupakan satu bangunan agama Islam yang saling terkait, tak terpisahkan. Efektif - tidaknya ketiga-tiga unsur tersebut dapat dikesan

daripada perlakuan dan pengamalannya dalam kehidupan sehari-hari. Iman akan mendorong ibadah; ibadah yang berterusan dan tertib akan memperkukuh dan mempertebal iman. Gabungan iman dan ibadah akan berpengaruh kepada lahirnya peribadi yang mempunyai sifat-sifat yang terpuji, seperti suci fikiran, hati dan kemahuan, jujur, amanah, tahu malu, bijaksana, dermawan, tawādu', rajin bekerja dan optimisme; sebaliknya, menghindari lahirnya sifat-sifat yang tercela, seperti dusta, khianat, dengki, sombong, loba, malas dan pesimisme. Begitu pula, akhlak terpuji yang diamalkan dengan sedar dalam pergaulan hidup sesama manusia akan berpengaruh pada kemantapan dan kekukuhan iman dan ibadah serta keharmonian dalam hidup bersama. Dengan demikian ada korelasi yang bererti di antara ketiga-tiga unsur tersebut, dalam erti, seseorang yang beriman dan beribadah kepada Tuhan secara benar, berkesedaran dan bersungguh-sungguh adalah berakhlak yang terpuji; sebaliknya seseorang yang berakhlak yang terpuji adalah beriman dan beribadah kepada-Nya.

Namun dalam kenyataan, korelasi itu menjadi kurang bererti, jika ketiga-tiganya tidak disepadukan dan dilaksanakan tanpa kesedaran dan penghayatan. Dengan perkataan lain, hubungan manusia kepada Tuhan yang bersifat menegak (*vertical*) kurang atau bahkan tidak berbekas pada hubungan manusia dengan sesamanya (*horizontal*).

Unsur ibadah seperti disebutkan di atas adalah dalam erti sempit, iaitu yang menekankan hubungan manusia dengan Tuhan sahaja. Akan tetapi dalam pengertiannya yang luas, ibadah itu mencakupi seluruh bidang kehidupan manusia. Dengan demikian bumi ini bagi muslim tidak sepatutnya dianggap sebagai penjara

atau neraka, melainkan sebagai ladang bagi ibadah. Sehubungan itu, muslim dituntut untuk kreatif dan inovatif dalam pelaksanaannya. Kreativiti dan inovasi ini baharu mungkin terlaksana, jika seluruh potensinya dikembangkan dan digunakan dengan sebaik - baiknya, dalam membangun, mengolah dan mentadbir bumi ini secara cerdas, cekap dan bijaksana bagi kemakmuran manusia dan sesamanya. Potensi - potensi berkenaan adalah fizikal dan mental serta spiritual. Di sini hubungan manusia dengan manusia menjadi semakin penting dan menentukan tanggungjawab bersama (kolektif), tanpa menafikan tanggungjawab peribadi. Begitu pula hubungan manusia dengan alam semula jadi. Jadi, menurut pandangan Islam, manusia pembangun itu, pada hakikatnya, adalah manusia yang mahu dan mampu mentadbir bumi ini secara cerdas, cekap dan bijaksana bagi kemakmuran manusia dan sesamanya; dan ini ditunaikan sebagai manifestasi daripada pengabdianya kepada Allāh dan mencari keredaan-Nya.

Tanggungjawab bersama itu, sesuai dengan pantun Melayu Pontianak yang berhasil dirakam, boleh diwujudkan dalam pelbagai bentuk kegiatan, seperti dalam hidup berkeluarga, pendidikan dan pelbagai kegiatan lainnya yang positif.

Hidup berkeluarga, bukan hidup membujang atau kerahiban, sangat sesuai dengan fitrah manusia. Fungsinya antara lain adalah bagi menjamin kewujudan suasana yang memungkinkan tumbuh dan berkembangnya nilai hidup yang murni, seperti keimanan, ibadah dan akhlak yang luhur. Lahirnya institusi keluarga ini bermula daripada pemilihan jodoh dan diteruskan dengan ijab qabul. Kemudian pembinaannya dilakukan melalui pengembangan rasa kasih sayang antara ahli keluarga, dan pergaulan secara beradab serta pelaksanaan hak dan tanggungjawab di

antara ahli keluarga. Dalam suasana sebegini, setiap anggota keluarga, terutamanya anak-anak dapat belajar kepada kedua orang tuanya bagaimana melaksanakan nilai-nilai ketuhanan (tauhid) dan akhlak, seperti kejujuran, hormat kepada orang tua dan sayang kepada sesama, sopan-santun, bertuturkata yang baik serta solat berjamaah. Latihan-latihan dan kebiasaan-kebiasaan yang ditanamkan sejak kanak-kanak akan menjadi sifat dan wataknya yang sukar untuk dirubah dan akan digunakan sebagai ukuran nilai sewaktu dia memasuki pergaulan yang lebih luas. Oleh itu, teladan daripada orang tua sangat besar pengaruhnya terhadap anak.

Nilai-nilai Islam yang diperoleh melalui pengalaman dalam keluarga akan berlanjut apabila individu berinteraksi dengan lingkungan sosial yang luas, seperti sekolah atau madrasah. Tujuan utama pendirian lembaga tersebut adalah bagi membantu proses pertumbuhan dan perkembangan serta pengaktualisasian semua potensi keinsanan, sehingga menjadi kemampuan nyata kemudian hari sesuai dengan fungsinya sebagai hamba Allāh dan khalifah-Nya di muka bumi. Aktivitinya yang utama adalah melalui belajar-mengajar. Di Kotamadia Pontianak, cukup banyak lembaga pendidikan keagamaan, baik milik pemerintah mahupun swasta. Belum lagi masjid dan surau, yang jumlahnya ratusan dan dikelola langsung oleh masyarakat, sebagai tempat pembinaan mental-spiritual mereka. Tetapi kegiatan belajar bagi muslim tak akan berhenti setelah dia menamatkan belajarnya di lembaga pendidikan formal. Dalam konteks ini Islam menekankan belajar dan pendidikan sepanjang hayat.

Kehadiran manusia di muka bumi sangat dibatasi antaranya oleh waktu. Oleh itu, manusia yang sedar akan fungsi dan kedudukannya akan memanfaatkan waktu

dengan sebaik-baiknya (disiplin diri), misalnya dengan bekerja. Selain itu, ekor dari kerja keras itu baharulah dirasakan manfaatnya lahir dan batin, dunia dan akhirat, jika dilakukan dengan memperhatikan asas keseimbangan, dilakukan secara halal, tidak melampaui batas dan dengan niat untuk mencari keredaan Allāh. Huraian ini, bagaimanapun menolak anggapan sepertimana telah dikemukakan sebelumnya.

Pengamalan nilai-nilai Islam (*iman, ibadah dan akhlak*) di alam Melayu berperanan dalam melahirkan pelbagai tradisi agama orang Melayu, misalnya gotong-royong, menyambutan Hari Raya (Aidilfitri dan Aidiladha), perkahwinan, kematian, kelahiran anak dan sebagainya. Selain itu, nilai-nilai tersebut ikut memperkaya, memperkukuh dan memantapkan konsep budi mereka, sebagai ukuran nilai yang tertinggi, dan bermatlamat menghasilkan manusia yang budiman. Oleh itu, nilai-nilai Islam (*iman, ibadah dan akhlak*) dan konsep budi dengan berbagai-bagai gugusannya yang terkandung dalam pantun etnik Melayu Pontianak bukan sahaja mengungkap menurut apa adanya, tetapi juga mengungkap *bagaimana seharusnya*. Berdasarkan pemikiran ini, maka kedua-dua konsep nilai tersebut bukan sahaja sejalan dan selari dengan karakteristik masyarakat Melayu, tetapi juga masih relevan digunakan sebagai ukuran nilai pada masa kini dan seterusnya. Ertinya, konsep ini masih relevan digunakan dalam menentukan pelbagai strategi pembangunan manusia, khasnya di bidang mental-spiritual. Zaman boleh sahaja berubah kerana kemajuan sains dan teknologi, sehingga orang Melayu yang hidup zaman ini lebih beruntung daripada sebelumnya. Akan tetapi dari sudut pembangunan yang menyeluruh, lengkap dan utuh, kemajuan sains dan teknologi sahaja masih belumlah dapat menjamin sepenuhnya untuk dijadikan sebagai ukuran pembangunan manusia.

Berdasarkan kepada huraian di atas dapatlah ditegaskan bahawa pantun-pantun etnik Melayu Pontianak, yang mungkin sudah tidak dikenal oleh generasi sekarang, telah memberikan sumbangan yang bererti bagi menyimpan, mengekalkan dan menyampaikan nilai-nilai Islam (iman, ibadah dan akhlak) kepada orang Melayu. Walaupun demikian harus diakui, bahawa pantun-pantun yang disajikan sebagai bahan analisis tentang nilai-nilai Islam mungkin masih banyak yang tekeluar daripada pengetahuan penulis. Oleh itu, penulis persilakan untuk memeriksanya pada Dokumen Teks. Selain daripada itu, cara penyampaiannya pun tidak lengkap, terperinci dan sistematik, sehingga mungkin masih belum mencukupi untuk dapat dikatakan sebagai pantun dakwah dan tunjuk ajar yang sebenar. Kenyataan ini boleh dimaklumi, kerana pantun-pantun tersebut merupakan hafazan yang spontan, sehingga tidak mungkin para pemantun menyampaikannya secara berurutan sesuai dengan topik-topik *iman*, *ibadah* dan *akhlak*. Sudah tentu, keadaan sebegini memberi peluang kepada pengkaji lain untuk menambah dan meluaskannya, antaranya dengan mengumpulkan pantun agama sebanyak mungkin melalui responden lainnya dan naskhah lama Melayu yang ditulis dengan tulisan jawi untuk dijadikan sebagai bahan penganalisan yang relatif lebih lengkap. Usaha ini memang memerlukan waktu yang relatif lama dan kajian yang lebih mendalam lagi, kerana umumnya pantun-pantun sebegini terdapat di kampung-kampung atau orang-orang tua dan mungkin ada dalam naskhah-naskhah lama. Dengan harapan ini, nilai-nilai Islam dalam pantun etnik Melayu Pontianak akan semakin tergambar dengan jelas. Harapan yang sama juga kepada pemantun-pemantun baru yang berminat kepada pembuatan pantun-pantun agama.

Akhirnya, perlu penulis tegaskan di sini bahawa pantun bukanlah satu-

satunya wahana dan media bagi orang Melayu dalam membabitkan nilai-nilai Islam. Kerana selain pantun, masih banyak lagi wahana dan media lainnya, seperti gurindam, syair, cerita rakyat, prasasti, dan bangunan fizikal atau seni bina dan seni ukir (masjid, pintu gerbang dsb.), seni suara dan pakaian yang juga mengandungi nilai-nilai Islam. Oleh itu, perkara ini juga boleh menjadi objek kajian tersendiri bagi yang berminat di Kotamadya Pontianak khususnya dan Kalimantan Barat umumnya.